



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**
Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000
Faks : 609-516 4931
Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600.15/2/4 Jld 2 (4)
18 Julai 2024

Tarikh :

SURAT PERINGATAN PERTAMA

**Senarai Edaran
(Seperti Di Lampiran A)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAAN BAKI TERIMAAN

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para **2.4.4 Lampiran F: Semakan dan Pengesahan Laporan dalam Persekuturan Elektronik Sepenuhnya (Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019)**, PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam pelaporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan Sijil Pengesahan Baki Terimaan dan mengemukakan kepada JANM Pahang selewat-lewatnya pada **14 haribulan bulan berikutnya**.
3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Terimaan sehingga bulan Jun 2024 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan bagi Jabatan-jabatan dibawah seliaan JANM Pahang sehingga **bulan Jun 2024**.
4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Terimaan kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.
5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan yang berstatus **TH (Tidak Hantar)** dan **K (Kuiri)**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:

- | | | |
|-----|----------------------------------|------------|
| i) | Puan Nur Nizaha binti Khalid | 09-5915029 |
| ii) | Puan Norhasmida binti Mohd Yusof | 09-5915022 |

Sekian terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

Saya yang menjalankan amanah,

(FREDRICK GUPONG AK TAWAN C.A.(M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang